

# BSN susun semula termasuk pentadbiran

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, Biro Siasatan Negara (BSN) sedang disusun semula termasuk di peringkat pentadbirannya selaras dengan tanggungjawab barunya untuk memusatkan perhatian khusus bagi membentasi kegiatan rasuah dengan lebih berkesan.

Belliau berkata, penerusan nama BSN kepada Badan Pencegah Rasuah Negara perlu dilakukan memandangkan BSN sekarang terpaksa juga memberikan kerjasamanya dengan jabatan-jabatan kerajaan lain.

## Bilangan didakwa

Menjawab soalan tambahan Lim Cho Hock (DAP-Ipoh) di Dewan Rakyat, Perdana Menteri bagaimanapun memberitahu, berkesan atau tidaknya BSN tidak bergantung kepada nama.

"Tetapi nama BSN harus ditukar untuk membolehkannya memusatkan perhatian semata-mata untuk menentang rasuah," ujarnya lagi.

Menjawab soalan asal Encik Peter Paul Dason (DAP-Bukit Bendera), belliau memberitahu, sejak ditubuhkan dalam tahun 1973 hingga Ogos lepas, BSN menerima dan menyiasat 2,600 aduan mengenai rasuah yang mana 1,228 darinya telah didakwa di mahkamah.

Daripada jumlah itu, bilangan mereka dari golongan yang berikut didakwa ialah:

Pegawai-pegawai kerajaan - 707 orang.

Anggota-anggota pasukan polis dan angkatan tentera - 233 orang.

Wakil rakyat - 7 orang.

Ahli-ahli berbagai majlis tempatan yang dilantik — tiada.

Pegawai-pegawai BSN - 1 orang.

Menjawab soalan Encik Ikhwan Nasir (BN-Pontian), Datuk Seri Dr. Mahathir sekali lagi menegaskan, BSN dalam usahanya memerangi rasuah tidak akan memilih bulu.

"Siapa saja yang terlibat akan disiasat tidak kira mereka itu terdiri dari pegawai tinggi kerajaan, wakil-wakil rakyat, orang besar atau golongan perengkah mahupun kakitangan BSN sendiri," tambahnya.

Mengenai soalan sama ada BSN bertindak bersendirian atau menerima bantuan dari pihak-pihak lain, belliau berkata:

"BSN, untuk menjaga kebebasannya, bertindak bersendirian.

## Jalankan siasatan

"Bagaimanapun, biasanya, BSN menjalankan siasatan mereka dengan kerjasama orang ramai," ujarnya.

Menjawab soalan wakil DAP-Menglembu, Encik P. Pato, Perdana Menteri berkata, kegiatan BSN kini semakin mendapat kepercayaan rakyat kerana ia sanggup mengambil tindakan ke atas sesiapa saja yang didapati terlibat dengan rasuah.

"Ramai dari rakyat yang menaruh kepercayaan kepada BSN telah menghantar surat yang hampir kesemuanya telah disiasat," jelasnya lagi.

# Kementerian cadang meminda Akta Dagangan 1972

KEMENTERIAN Perdagangan dan Perindustrian bercadang meminda Akta Perihal Dagangan 1972 untuk membolehkan pegawai-pegawai penguatkuasanya menahang orang-orang yang didapati membuat, mengedar dan menjual barang-barang tiruan.

Di bawah akta yang ada sekarang, pegawai penguatkuasa hanya diberi kuasa merampas barang-barang itu sahaja.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon sewaktu memberitahu demikian di Dewan Rakyat hari ini berkata, pindaan tersebut perlu untuk membolehkan pegawai-pegawai penguatkuasa mengesan sumber yang mengeluarkan barang-barang tiruan itu.

Dengan kuasa untuk menangkap dan merampas itu, pegawai-pegawai kita boleh mengambil tindakan untuk mengesan sama ada barang-barang tiruan itu berasal dari dalam atau luar negeri, jelasnya.

Menjawab soalan Encik Umar bin Haji Ismail (BN-Padang Rengas), belliau memberitahu, sehingga November tahun lepas, 262 peniaga dan pembuat barang-barang tiruan bernilai \$2 juta dikesan dan dirampas.

Barang-barang itu termasuklah bahan-bahan makanan, binaan, ubat-ubatan, alat-alat solek, pakalan, alat ganti kenderaan (lebih \$1 juta), alat-alat elektrik, racun rumput, kaset dan lain-lain.

## Kerjasama

Datuk Lew berkata, usaha untuk mengatasi dan membasmi amalan itu akan terus dilakukan dengan menggunakan undang-undang yang ada bagi memastikan ia berkesan.

Dalam hal ini, belliau menyeru orang ramai yang memberikan kerjasama dan penglibatan positif untuk menumpaskan kegiatan anti-sosial itu supaya mempertingkatkan lagi kerjasamanya mereka dengan memberi maklumat yang tepat dan terperinci sekiranya mereka mengetahui wujudnya kegiatan-kegiatan tersebut.

Sewaktu menegaskan perlunya kegiatan se-

demikian dibentasi, Timbalan Menteri itu bagaimanapun berkata: "Ingin saya menegaskan bahawa amalan-amalan perdagangan yang tidak sihat itu bukanlah berlaku secara berleluasa tanpa pengawasan dan kawalan dari pihak kerajaan."

Menjawab soalan tambahan Encik Abdul Kadir Syeikh Fadzir (BN Kulim

Bandar Baru), Datuk Lew berkata, hukuman lebih berat akan dikenakan ke atas mereka yang terlibat.

## Tindakan

"Kementerian sedar, salah satu sebab berlakunya kegiatan tidak sihat itu di masa lalu adalah kerana tingginya hukuman yang dikenakan," jelasnya.

# K/p biru untuk pendatang? Akan disiasat

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan akan menyiasat dakwaan kononnya pendatang haram Indonesia dan Filipina diberi kad pengenalan warna biru.

"Jika benar tindakan sewajarnya akan diambil," kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Abdul Rahim Tamby Chik ketika menjawab soalan Encik Fung Ket Wing (DAP-Sandakan) di Dewan Rakyat, hari ini.

Menjawab soalan Encik Mohd. Bakri Abdul Rais (BN-Parit) yang ingin tahu kejadian menjual secara gelap barang-barang bebas cukai, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Mak Hon Kam berkata:

"Kerajaan memang sedar penyelewengan berlaku berkaitan dengan kegiatan kedai-kedai bebas cukai di Pulau Pinang.

"Ini melibatkan beberapa orang pelan-

cong asing yang menjual barang-barang bebas cukai dari kedai-kedai tersebut dan kemudian menjualnya di pasaran tempatan," tambahnya.

Tindakan ini, kata belliau, mengakibatkan kerajaan kehilangan hasil memandangkan cukai-cukai atas barang-barang tersebut masih belum dibayar.

## Kegiatan

Bagaimanapun, jelasnya, tidak diketahui tentang kegiatan menjual barang-barang secara gelap oleh kedai-kedai bebas cukai seperti dinyatakan oleh yang berhormat.

Setakat ini kerajaan masih tidak mendapat apa-apa bukti tentang berlakunya perkara seperti itu, tambahnya lagi.

Bagi mengatasi penyelewengan itu, langkah diambil dengan cara menghadkan jenis barang-barang yang boleh dijual oleh kedai-kedai bebas cukai itu, kata belliau lagi.

# Kawalan kewangan ketat ke atas bank2 dagang dinafi

KUALA LUMPUR, Isnin — Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah menafikan kononnya Kerajaan mengenakan kawalan kewangan yang begitu ketat ke atas bank-bank perdagangan di negara ini.

"Dari jumlah pinjaman yang diberi oleh bank-bank itu membuktikan dakwaan itu tidak benar," katanya dalam jawapan bertulis soalan Haji Hashim Endut (BN-Ulu Muda) di Dewan Rakyat, hari ini.

Tengku Razaleigh berkata, dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini pinjaman dari bank-bank perdagangan meningkat \$3.65 ribu juta atau 17.4 peratus kepada \$24.7 ribu juta.

Dari jumlah itu, katanya, pinjaman kepada sektor swasta bertambah \$3.61 ribu juta atau 18 peratus kepada \$23.8 ribu juta sepanjang tempoh tersebut.

Pinjaman kepada Bumiputera meningkat pada kadar yang lebih tinggi \$25.2 peratus bertambah \$978.6 juta bagi tempoh itu.

Kredit bank yang disalurkan kepada perniagaan borong dan runcit juga bertambah \$779.8 juta atau 16.1 peratus sepanjang tempoh yang sama.

"Dari jumlah ini pinjaman kepada kaum Bumiputera yang terlibat dalam kegiatan tersebut meningkat \$122.7 juta atau 24.7 peratus," katanya.

Oleh itu adalah tidak benar Kerajaan mengenakan kawalan ketat ke atas bank-bank perdagangan, tegasnya.

Kerajaan, kata belliau, akan sentiasa menentukan pinjaman kepada sektor-sektor tertentu seperti di bawah panduan pinjaman bank negara dilaksanakan supaya dapat mencapai matlamat Kerajaan.